



Henti manipulasi media sosial sebar fitnah, tohmahan

Oktober 12, 2022 @ 3:44pm

KUALA LUMPUR: Masyarakat khususnya netizen di negara ini diminta menghentikan perbuatan memanipulasi media sosial (medsos) sebagai medium menyebarkan fitnah, tohmahan dan kata-kata berbaur hinaan serta cacian terhadap sesuatu isu tular.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Ahmad Marzuk Shaary, berkata media sosial seharusnya dijadikan medan penyebaran dakwah dan akhlak Islam.

"Ini mudah terjadi disebabkan sifat media sosial itu sendiri yang dapat menyembunyikan identiti seseorang melalui pelbagai tetapan seperti tanpa nama (anonymous) dan tanpa dilihat (unseen).

"Boleh juga cipta pelbagai identiti palsu (fake account) yang tidak dikenali," katanya ketika merasmikan sambutan Maulidur Rasul Peringkat Wilayah Persekutuan 1444H, di sini semalam.

Ahmad Marzuk berkata, perkembangan itu menjadi virus yang amat bahaya dalam masyarakat, terutama umat Islam dan mereka dilihat semakin jauh meninggalkan nilai akhlak Islam sebenar.

"Perbuatan menyebarkan fitnah di media sosial, sama ada dalam bentuk penulisan mahupun ilustrasi dengan perkongsian maklumat tidak tepat berbaur provokasi dan penghinaan boleh mewujudkan budaya tidak sihat dalam kalangan masyarakat.

"Penentuan salah atau benar seseorang itu bergantung kepada penerimaan masyarakat, bukan lagi dinilai melalui syariat agama," katanya.

Katanya, fitnah kini menjadi norma baharu yang diterima umum, sedangkan ia mencerminkan keruntuhan akhlak masyarakat dan perlu dihentikan segera.

Sementara itu, bekas Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom dinobatkan sebagai Tokoh Utama Maulidur Rasul Wilayah Persekutuan pada sambutan kali ini.

Beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI).

Anugerah diberikan atas khidmat bakti dan sumbangan signifikan beliau dalam memartabatkan syiar Islam dan pendidikan Islam di Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan.

Ia termasuk memperkenalkan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) serta mengkaji dan menaik taraf sukatan pelajaran peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Pekerja am pembersihan Alam Flora Sdn Bhd, Arbaani Talib pula menerima Anugerah Tokoh Khas Individu atas dedikasi dan komitmen tinggi beliau sepanjang menjalankan tugas yang tidak banyak diceburi atau dianggap remeh atau kotor oleh sebilangan masyarakat.

Anugerah Khas Kategori Organisasi pula diberikan kepada Masjid Saidina Abu Bakar As Siddiq, Bangsar (Kategori Masjid), manakala kategori Surau/Surau Jumaat diterima Surau Putra Al-Amin, Putrajaya.

Sekolah Menengah Kebangsaan Ranche-Ranche, Labuan (Kategori Sekolah Menengah Kebangsaan); Sekolah Rendah Agama Salahuddin Al-Ayubi, Kuala Lumpur (Kategori Sekolah Rendah Agama) dan Yayasan Amal Malaysia Kuala Lumpur (Kategori Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).